

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

CTD501 - Sistem Maklumat

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **SOALAN 1** (soalan wajib) dan **DUA (2)** soalan daripada **TIGA (3)** soalan yang lain.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Terangkan satu daripada sembilan tajuk di bawah:
- (i) 'Internet'
 - (ii) Pengauditan Komputer
 - (iii) 'EDI'
 - (iv) Automasi Pejabat
 - (v) Virus komputer
 - (vi) Penggunaan Komputer di Sekolah
 - (vii) Rangkaian Setempat ('LAN')
 - (viii) Pengkomputeran Klien/Pelanggan ('Client/Server Computing')
 - (ix) 'ATM'
- (70/100)
- (b) Pengambilan sumber dari luar ('outsourcing') untuk sistem maklumat merupakan satu kaedah yang semakin disukai oleh organisasi-organisasi semasa ini. Apakah sebab utamanya ia disukai dan bincangkan tiga kebaikan dan tiga keburukan tentangnya sebagai akibat pengambilan sumber dari luar?
- (30/100)
2. (a) Seorang penyelidik MIS yang terkenal berpendapat bahawa "sebab-sebab kebanyakan sistem maklumat yang dibangunkan itu gagal ialah kita telah mengabaikan masalah tingkahlaku ('behaviour') organisasi semasa merekabentuk dan mengoperasikan sistem maklumat yang berasaskan komputer" (Lucas). Bincangkan.
- (40/100)
- (b) Sistem Maklumat dan Teknologi Maklumat adalah dua istilah yang sering ditemui pada media masa dewasa ini. Dua istilah ini sering digunakan seolah-olah mereka adalah sama ertinya. Huraikan perbezaan di antara Sistem Maklumat dan Teknologi Maklumat.
- (40/100)
- (c) Secara amnya, semua sistem, tidak kira ia satu sistem yang besar atau yang kecil, mempunyai komponen-komponen yang sama. Berasaskan sebuah universiti, terangkan secara ringkas komponen-komponen sistem tersebut.
- (20/100)

3. (a) Pengkomputeran pengguna semakin disukai oleh para pengguna dewasa ini. Apakah sebab-sebab wujudnya fenomena ini?
(35/100)
- (b) Terangkan lima masalah yang berkaitan dengan pengkomputeran pengguna yang mungkin dihadapi oleh sesebuah organisasi.
(35/100)
- (c) Secara ringkas, terangkan perbezaan di antara perkataan berikut:
- (i) Pengkompil ('compiler') dan Penafsir ('interpreter')
 - (ii) ROM dan RAM
 - (iii) Perisian dan Peralatan komputer
- (30/100)
4. (a) Anda telah ditugaskan untuk membangunkan satu sistem maklumat yang berasaskan komputer di syarikat anda. Model pembangunan sistem yang umum digunakan ialah "Kitar Hayat Sistem". Huraikan setiap peringkat yang terkandung di dalam model "Kitar Hayat Sistem".
(40/100)
- (b) Senaraikan dan bincangkan empat isu utama 'etika komputer'. Apakah yang harus dilakukan oleh sesebuah organisasi untuk mengatasi isu-isu 'etika komputer'?
(40/100)
- (c) Apakah perbezaan di antara sistem pemprosesan kelompok (Batch processing) dan sistem pemprosesan dalam-talian (on-line)? Nyatakan keadaan yang setiap kaedah pemprosesan tersebut sesuai digunakan.
(20/100)